

EDISI 2021



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROGRAM PERAKAUNAN & KEWANGAN

Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) MPSAS 31 Intangible Assets



MORE INFO

www.ipn.gov.my





INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Aset Tak Ketara

Aset bukan kewangan yang
boleh dikenal pasti tanpa
kewujudan fizikal

*An intangible asset is an
identifiable non-monetary asset
without physical substance*

Boleh dipisahkan (*Separable*)

atau

Timbul daripada **perjanjian sah**
(*binding arrangements*)

Definisi (sambungan)

Amaun bawaan

Adalah **amaun bagi aset** yang telah diiktiraf selepas **ditolak perlunasan terkumpul** dan **kerugian penjejasan terkumpul**.

Penyelidikan

Penyiasatan asal dan terancang yang dilaksanakan bertujuan untuk memperoleh pengetahuan dan pemahaman saintifik atau teknikal yang baharu.

Pembangunan

Penggunaan dapatan penyelidikan atau **pengetahuan** lain pada pelan atau reka bentuk bagi mengeluarkan bahan, alat, produk, proses, sistem atau perkhidmatan yang baharu atau yang ditambahbaik dengan ketara sebelum bermulanya pengeluaran atau penggunaan secara komersil.

Aset

Contoh Aset Tak Ketara



ASET TAK KETARA

Aset boleh dikenal pasti jika ia, sama ada:

- (a) Boleh pisah, iaitu boleh dipisahkan atau dibahagikan daripada entiti dan dijual, dipindah, dilesenkan, disewa, atau ditukar, sama ada secara berasingan atau bersama dengan kontrak berkaitan, aset atau liabiliti yang boleh dikenal pasti, tanpa menghiraukan sama ada entiti hendak berbuat demikian atau tidak; atau**
- (b) Timbul daripada aturan yang mengikat (termasuk hak daripada kontrak atau hak perundangan yang lain), tanpa menghiraukan sama ada hak tersebut boleh dipindah atau dipisah daripada entiti atau daripada hak dan obligasi yang lain**

Aset warisan tak ketara



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN PERAKAUNAN



Piawaian ini tidak mewajibkan entiti untuk mengiktiraf aset warisan tak ketara yang memenuhi definisi dan kriteria pengiktirafan bagi aset tak ketara.



Sekiranya entiti memilih untuk mengiktiraf aset warisan tak ketara, ia hanya perlu mematuhi keperluan pendedahan piawaian ini sahaja dan mungkin, tetapi tidak perlu mematuhi keperluan pengukuran piawaian ini.

Pengiktirafan & Pengukuran



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Memenuhi
**definisi aset
tak ketara**

Mematuhi
**kriteria
pengiktirafan**

Diiktiraf
sebagai
**Aset Tak
Ketara**

Pengiktirafan & Pengukuran (sambungan)



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Contoh Pengiktirafan Bayaran Lesen Untuk Perisian

Bayaran Lesen Untuk Perisian

Bayaran lesen untuk perisian ialah kos yang terlibat untuk memperoleh lesen yang membenarkan penggunaan perisian.

Jenis Perisian	Pengiktirafan dan Pengukuran Awal
Perisian disepadukan dengan perkakasan	Diiktiraf sebagai sebahagian daripada Hartanah, Loji dan Peralatan.
Perisian sendiri	Diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara.

Bayaran lesen untuk perisian termasuk kos pemerolehan awal dan apa-apa kos penyelenggaraan atau pembaikan.

Bayaran lesen untuk perisian hendaklah dipermodalkan sebagai Aset Tak Ketara dan bayaran penyelenggaraan tahunan hendaklah dibelanjakan. Peningkatan (naik taraf) sistem hendaklah dipermodalkan.

Pengiktirafan & Pengukuran (sambungan)



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Pengiktirafan & Pengukuran (sambungan)



INSTITUT PERAKAUL
JABATAN AKAUNTAN NASIONAL

Fasa Penyelidikan

- Perbelanjaan untuk penyelidikan (atau fasa penyelidikan bagi projek dalaman) hendaklah diiktiraf sebagai belanja apabila ia ditanggung.
- ***Aset tak ketara yang terhasil daripada penyelidikan tidak boleh diiktiraf***

Fasa Pembangunan

Hendaklah diiktiraf jika, dan hanya jika

1. Terdapat kebarangkalian bahawa jangkaan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada entiti; dan
2. Kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Pengiktirafan & Pengukuran (sambungan)

Internally Generated Intangible Assets (sambungan)



INSTITUT PERAKAUNAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA

FASA PENYELIDIKAN

- Perbelanjaan untuk penyelidikan (atau fasa penyelidikan bagi projek dalaman) hendaklah diiktiraf sebagai belanja apabila ia ditanggung.
- ***Aset tak ketara yang terhasil daripada penyelidikan tidak boleh diiktiraf***

FASA PEMBANGUNAN MPSAS31:55

Aset tak ketara yang terhasil daripada pembangunan hendaklah diiktiraf jika,

1. Kebolehlaksanaan teknikal bagi menyiapkan aset tak ketara supaya ia sedia untuk digunakan atau dijual
2. ***Hasrat entiti untuk menyiapkan aset tak ketara dan menggunakannya atau menjualnya***
3. ***Kebolehan entiti menggunakan atau menjual aset tak ketara***
4. Akan menjana kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan..
5. ***Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan aset tak ketara tersebut dan menggunakannya atau menjualnya;***
6. Kebolehan entiti mengukur dengan pasti perbelanjaan yang berkaitan dengan aset tak ketara semasa pembangunannya.

Pengiktirafan & Pengukuran (sambungan)



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Jenama, nama akhbar, tajuk penerbitan, senarai pengguna perkhidmatan, dan item yang serupa pada intipatinya, yang dijana secara dalaman, tidak boleh diiktiraf sebagai aset tak ketara.

Sebab:

Tidak boleh dibezakan daripada kos pembangunan operasi entiti secara keseluruhannya. Oleh itu, item tersebut tidak diiktiraf sebagai aset tak ketara. .

Ringkasan Pengiktirafan

Pengiktirafan Dan Pengukuran Awal

Bergantung pada kaedah pemerolehan Aset Tak Ketara, pengiktirafan dan pengukuran awal Aset Tak Ketara ini akan berbeza, seperti yang berikut:

INSTIT
JABATAN

Kaedah Pemerolehan	Pengiktirafan dan Pengukuran awal	Contoh
Urus Niaga Pertukaran	Diukur pada Amaun Diniagakan, yang akan menjadi kos pemerolehan	Bayaran Lesen Perisian Paten
Urus Niaga Bukan Pertukaran	Diukur pada Nilai Saksama	Paten
Dijana secara dalaman	Diukur pada Kos	Penyelidikan dan Pembangunan

Pengukuran Susulan

Model Kos

- Nilai bawaan = Kos – pelunasan terkumpul – kerugian penjejasan terkumpul

Model Penilaian Semula*

- Nilai bawaan = Nilai Saksama berdasarkan pasaran aktif
- ↑ nilai bawaan – rizab penilaian semula
- ↓ nilai bawaan – lebihan/kurangan

* terpakai kepada keseluruhan kelas aset melainkan tiada pasaran aktif atas sesetengah aset



Apa tindakan sekiranya:

- 1) Nilai saksama satu aset tak ketara di bawah kelas aset tak ketara penilaian semula tidak dapat dinilai disebabkan tiada pasaran aktif
- 1) Nilai saksama aset tak ketara yang sebelum ini dinilai bawah model penilaian semula tidak dapat dinilai semula disebabkan tiada pasaran aktif

Pengukuran Susulan (sambungan)



INSTITUT PERAKAUNAN
JABATAN AKAUNTAN

Usia guna Aset Tak Ketara

Tidak Dapat Ditentukan (Indefinite)

- **Tidak dilunaskan**
- **Penjejasan** perlu disemak setiap tahun
- **Usia guna** perlu disemak setiap tempoh pelaporan

Dapat Ditentukan (Finite)

- **Dilunaskan**
- Kaedah perlunasan:
 - **Garis lurus/Baki berkurangan/Unit pengeluaran**
- **Nilai sisa diandaikan kosong** melainkan:
 - Komitmen pihak ketiga untuk beli aset; atau
 - Wujud pasaran aktif bagi aset
- Tempoh dan kaedah perlunasan perlu disemak setiap tahun

Usia guna bagi aset yang diperoleh melalui perjanjian (binding arrangement) tidak boleh melebihi daripada tempoh perjanjian tetapi mungkin boleh lebih singkat.

Ringkasan Pengukuran Susulan

Pengukuran Berikutnya

Pengukuran berikutnya bagi Aset Tak Ketara berbeza seperti yang berikut:

Jenis Aset Tak Ketara Diperoleh	Pengukuran berikutnya	Rujukan Bab
Dengan Usia Guna Dapat Ditentukan	Model Kos. Diukur pada Kos ditolak dengan Pelunasan dan Penjejasan.	Dasar ini sama dengan Hartanah, Loji dan Peralatan seperti yang dijelaskan dalam Bab 5 - Hartanah, loji dan peralatan.
	Model Penilaian Semula. Diukur pada Nilai Saksama pada tarikh Penilaian Semula ditolak dengan Pelunasan.	
Dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan	Tidak dilunaskan, tetapi ujian Penjejasan dilakukan pada setiap tahun dan apabila terdapat petunjuk bahawa Aset Tak Ketara mungkin terjejas.	Dasar terperinci mengenai Penjejasan dalam Bab 14 - Penjejasan Aset.

Internal Developed Website

Entiti mungkin menanggung perbelanjaan dalaman untuk pembangunan dan pengendalian laman sesawangnya sendiri bagi akses dalaman atau luaran. Aset Tak Ketara yang dijana secara dalaman adalah tertakluk kepada pemakaian MPSAS 31 jika dan hanya jika memenuhi ketetapan MPSAS 31:28 dan MPSAS 31:55

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Peringkat pembangunan laman sesawang boleh diterangkan seperti yang berikut:

- (a) Perancangan—termasuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan, menetapkan objektif dan spesifikasi, menilai alternatif, dan memilih keutamaan;
- (b) Pembangunan Aplikasi dan Infrastruktur—termasuk mendapatkan nama domain, membeli dan membangunkan perkakasan dan perisian operasi, memasang aplikasi yang telah dibangunkan, dan menjalankan ujian tekanan;
- (c) Pembangunan Reka Bentuk Grafik—termasuk mereka bentuk rupa laman sesawang;
- (d) Pembangunan Kandungan—termasuk mencipta, membeli, menyediakan, dan memuat naik maklumat, sama ada dalam bentuk teks atau grafik, pada laman sesawang sebelum pembangunan laman sesawang selesai. Maklumat ini mungkin disimpan dalam pangkalan data berasingan secara bersepadu (atau diakses dari) laman sesawang, atau dikodkan secara langsung ke dalam laman sesawang tersebut.

Pelupusan



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Amaun bawaan sesuatu item HLP hendaklah **dinyahiktirafkan**:

- i. **Semasa pelupusan**; atau
 - ii. apabila **tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan** dijangkakan dari **penggunaan atau pelupusan**
- **Untung atau rugi** yang timbul dari penyahiktirafan item HLP hendaklah **dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan** apabila item tersebut dinyahiktirafkan (melainkan MPSAS 13 menghendaki sebaliknya ke atas jualan dan pajakan balik)
 - **Untung tidak boleh dikelaskan sebagai hasil**
 - **Untung atau rugi** yang timbul daripada penyahiktirafan item HLP hendaklah ditentukan sebagai **perbezaan antara pelupusan bersih**, jika ada, dengan **amaun bawaan** item tersebut.

Pendedahan

Pendedahan Umum

- Usia guna – finite atau indefinite, jika finite – usia guna atau kadar perlunasan yang digunakan.
- Kaedah perlunasan
- Penyesuaian nilai bawaan pada awal dan akhir tempoh.
- Impairment losses recognised/reversed
- Aset tak ketara yang mempunyai usia guna indefinite dan sebab penilaian.
- Pengkelasan aset tak ketara yang mempunyai fungsi dan kegunaan yang serupa

Model Penilaian Semula

- Tarikh efektif penilaian semula
- Nilai bawaan aset tak ketara yang dinilai semula
- Nilai bawaan bagi kelas aset tak ketara yang telah diiktiraf menggunakan model kos dan dinilai semula menggunakan model penilaian semula.
- Amaun lebihan penilaian semula pada awal dan akhir tempoh pelaporan yang menunjukkan perubahan dalam tempoh tersebut.
- Kaedah dan andaian signifikan yang digunakan dalam mengaggarkan nilai saksama aset.

Perbelanjaan Research & Development

- Amaun agregat bagi perbelanjaan R&D yang diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh kewangan.



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Senario Transaksi Aset Tak Ketara

- Senario A - Pertukaran Bukan Monetari Aset Tak Ketara
- Senario B - Pengiktirafan Bayaran Lesen
- Senario C - Pengiktirafan Kos Penyelidikan Dan Pembangunan Ditanggung
- Senario D - Paten Dengan Usia Guna Dapat Ditentukan Dan Nilai Sisa Komited
- Senario E - Paten Dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan

Catatan Jurnal

Senario A - Pertukaran Bukan Monetari Aset Tak Ketara

Sebuah agensi kesihatan menukar Paten ubat yang dimilikinya (Paten A) dengan Paten ubat pihak luar (Paten B). Amaun Bawaan Paten A pada tarikh urus niaga ialah RM100,000 dan Nilai Saksama ialah RM1,000,000. Urus niaga ini diandaikan mempunyai nilai komersil.

Catatan jurnal

1) Untuk merekod pertukaran Paten A untuk Paten B

Pertukaran paten adalah pertukaran bukan monetari yang diambil oleh entiti. Entiti hendaklah mengiktiraf nilai Paten B pada Nilai Saksama Paten yang diserahkan.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Aset Tak Ketara (Paten B)	1,000,000	A2339100
Kt Aset Tak Ketara (Paten A)	100,000	A2339100
Kt Untung atas Pertukaran	900,000	H0284901

Catatan Jurnal

Senario B - Pengiktirafan Bayaran Lesen

Sebuah entiti memutuskan untuk memperoleh satu perisian. Entiti memperoleh lesen berjumlah RM25,000 untuk menggunakan perisian tersebut. Berikutan itu, bagi membolehkan penggunaan perisian secara berterusan, entiti dikehendaki untuk membayar yuran penyelenggaraan tahunan berjumlah RM3,000. Selepas 3 tahun, entiti memutuskan untuk menaik taraf perisian tersebut bagi memasukkan lebih banyak ciri yang perlu untuk operasi entiti. Entiti dikehendaki membuat bayaran sekali saja sebanyak RM9,000 bagi menaik taraf perisian.

Catatan jurnal

- 1) Untuk merekod pemerolehan perisian

Bayaran sekali saja yang dibuat untuk memperoleh perisian, dipermodalkan sebagai Aset dan diklasifikasikan sebagai Aset Tak Ketara. Di samping itu, obligasi untuk membayar yang timbul dikreditkan sebagai Akaun Belum Bayar.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Aset Tak Ketara (Lesen)	25,000	A2339102
Kt Akaun Belum Bayar	25,000	L0139100

Catatan Jurnal

2) Untuk merekod Bayaran Yuran Penyelenggaraan tahunan

Yuran Penyelenggaraan tahunan yang dibayar bagi membolehkan penggunaan perisian secara berterusan, dibelanjakan dan tidak dipermodalkan sebagai Aset. Di samping itu, obligasi untuk membayar yang timbul dikreditkan sebagai Akaun Belum Bayar.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Operasi	3,000	B0229108
Kt Akaun Belum Bayar	3,000	L0129100

3) Untuk merekod naik taraf perisian

Bayaran sekali saja yang dibuat untuk menaik taraf perisian dipermodalkan sebagai Aset kerana perbelanjaan tersebut akan membawa faedah masa hadapan pada masa akan datang. Di samping itu, obligasi untuk membayar dikreditkan sebagai Akaun Belum Bayar.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Aset Tak Ketara (Lesen)	9,000	A2339102
Kt Akaun Belum Bayar	9,000	L0139100

Catatan Jurnal

Senario C - Pengiktirafan Kos Penyelidikan Dan Pembangunan Ditanggung

Sebuah entiti membangunkan satu sistem baharu untuk menjadualkan kes mahkamah dengan lebih berkesan seterusnya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Sebelum 1 Mac 20x3, perbelanjaan yang ditanggung bagi penyelidikan dan pembangunan sistem ialah RM300. Perbelanjaan yang ditanggung selepas 1 Mac 20x3 pula bagi pembangunan sistem tersebut adalah berjumlah RM700. Jumlah perbelanjaan bagi tahun berakhir 20x3 ialah RM1,000. Entiti berupaya menunjukkan bahawa sistem yang baru dibangunkan memenuhi kriteria untuk pengiktirafan sebagai Aset Tak Ketara pada 1 Mac 20x3.

Catatan jurnal

- 1) Untuk merekod kos penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan **sebelum** kriteria untuk pengiktirafan sebagai Aset Tak Ketara dipenuhi iaitu pada 1 Mac 20x3

Sebelum 1 Mac 20x3, kos penyelidikan dan pembangunan yang ditanggung dibelanjakan dan tidak dipermodalkan sebagai Aset. Perbelanjaan tersebut diiktiraf sebagai Belanja Operasi dan Akaun Belum Bayar dikreditkan.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Operasi	300	B0227799
Kt Akaun Belum Bayar	300	L0127700

Catatan Jurnal

2) Untuk merekod kos pembangunan yang ditanggung **selepas** tarikh kriteria pengiktirafan sebagai Aset Tak Ketara dipenuhi pada 1 Mac 20x3

Selepas 1 Mac 20x3, kos pembangunan yang ditanggung dipermodalkan dan diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Aset Tak Ketara (Dijana Secara Dalaman)	700	A23393040
Kt Akaun Belum Bayar	700	L0139300

Catatan Jurnal

Senario D - Paten Dengan Usia Guna Dapat Ditentukan Dan Nilai Sisa Komited

Entiti A memperoleh Paten bagi formula untuk vaksin, daripada Entiti B untuk menjamin keupayaan Entiti A untuk menyediakan vaksinasi percuma kepada konstituen dengan kos RM250,000. Vaksin yang dilindungi oleh Paten tersebut dijangka menjadi sumber kepada potensi perkhidmatan sekurang-kurangnya 15 tahun. Entiti A memperoleh komitmen daripada Entiti C untuk membeli Paten tersebut dalam masa lima tahun yang bersamaan dengan 60 peratus daripada Nilai Saksama Paten pada tarikh ia diperoleh, dan Entiti A bercadang menjual Paten berkenaan dalam tempoh lima tahun. Paten akan dilunaskan sepanjang Usia Guna lima tahun kepada Entiti A dengan Nilai Sisa bersamaan 60 peratus daripada Nilai Saksama Paten pada tarikh ia diperoleh.

Catatan jurnal

- 1) Untuk merekod pemerolehan Paten

Jumlah kos memperoleh Paten dipermodalkan sebagai Aset Tak Ketara.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Aset Tak Ketara (Paten)	250,000	A2339107
Kt Akaun Belum Bayar	250,000	Lo139100

Catatan Jurnal

2) Untuk merekod Pelunasan Paten

Belanja Pelunasan dikira dengan membahagikan amaun pelunasan dengan Usia Guna Dapat Ditetapkan. Amaun pelunasan adalah RM100,000 [RM250,000 - (RM250,000 X 60%)]. Belanja Pelunasan adalah RM20,000 (RM100,000/5). Catatan jurnal bagi pelunasan ini direkodkan pada setiap tahun selama 5 tahun sehingga akhir Usia Guna Paten ini.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Pelunasan	20,000	B6139107
Kt Pelunasan Terkumpul	20,000	A6139107

Catatan Jurnal

Senario E - Paten Dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan

INSTI
JABATAN

Entiti A memperoleh suatu Aset iaitu Paten bagi satu formula untuk vaksin daripada Entiti B untuk menjamin keupayaan Entiti A menyediakan vaksin percuma kepada konstituennya yang berjumlah RM250,000. Adalah dijangkakan bahawa formula tersebut perlu dibuat pengubahsuaian kecil setiap 10 tahun untuk mengekalkan keberkesanannya. Terdapat bukti yang menyokong pembaharuan berterusan paten. Kontrak dengan Entiti B menetapkan bahawa Entiti B akan mengekalkan keberkesanan formula secara berterusan, dan bukti menyokong keupayaan untuk berbuat demikian. Kos untuk memperbaharui paten dan mengekalkan keberkesanan formula dijangka tidak signifikan dan akan dibayar kepada Entiti B apabila penambahbaikan dibuat. Analisis kajian kitaran hayat produk, dan arah aliran demografi dan alam sekitar, memberikan bukti bahawa paten tersebut akan memberikan potensi perkhidmatan kepada Entiti A dengan membolehkannya menyampaikan program vaksinasi bagi tempoh yang tidak dapat ditentukan. Oleh itu, Paten akan diandaikan sebagai mempunyai Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan.

Catatan Jurnal

Catatan jurnal



INSTITUT
JABATAN AKA

1) Untuk merekod pemerolehan Paten

Jumlah kos memperoleh Paten hendaklah dipermodalkan sebagai Aset Tak Ketara dan Akaun Belum Bayar dikreditkan. Pengolahan perakaunan untuk pemerolehan Paten dengan Usia Guna Dapat Ditentukan dan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan adalah sama. Walau bagaimanapun, Paten dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan tidak perlu dilunaskan.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Aset Tak Ketara (Paten)	250,000	A2439107
Kt Akaun Belum Bayar	250,000	L0139100

Perbelanjaan yang ditanggung bagi pembaharuan berterusan Paten hendaklah dibelanjakan dalam Lebihan atau Kurangan tahun semasa.

Kajian Kes 1

Jabatan D telah *outsouce* kepada kontraktor luar untuk merekabentuk dan membangun satu sistem yang memudahkan orang awam untuk membayar cukai taksiran dan lain-lain bil atas talian (*online*). Sistem ini telah dipautkan dengan portal Jabatan tersebut dan telah membolehkan maklumat bayaran dapat dikemaskinikan secara automatik dan penjana laporan yang tepat.

Adakah sistem yang dibangunkan tersebut boleh dipermodalkan dan diklasifikasikan sebagai aset tak nyata?

Berikan justifikasi anda.

MPSAS 31: INTANGIBLE ASSETS (IA)

Definitions	Initial Measurement	Subsequent Measurement	Disclosure
- Intangible asset is an identifiable non-monetary asset without physical substance. - Research is original and planned investigation undertaken with the prospect of gaining new scientific or technical knowledge and understanding. - Development is the application of research findings or other knowledge to a plan or design for the production of new or substantially improved materials, devices, products, processes, systems or services before the start of commercial production or use	<pre> graph TD A[Cost of Intangible asset] --> B[Purchase price] A --> C[Directly attributable expenditure] D[Initial Measurement] --> E[Cost exchange transaction] D --> F[Fair Value non-exchange transaction] </pre> R & D Expenditure: - Research cost = expense off - Development cost = capitalised if meet recognition criteria	<pre> graph TD A[Cost of Intangible asset] --> B[Cost Model] A --> C[Revaluation Model] </pre> IA with finite useful life: - Amortised as usual IA with indefinite useful life: - Should not be amortised but subject to impairment test annually and whenever there is an indication that the IA may be impaired Disposal: gain/loss in S/D	General: - indefinite or finite useful life - Amortization methods - Opening and closing of gross CA & and any accumulated amortisation - Amortization expenses in statement of financial performance - A reconciliation of the CA of IA during reporting period Revaluation Model - Information related to that revaluation such as date & CA - Revaluation surplus during the period - Methods and significant assumption applied in estimating the assets' fair value Research & Development Expenditure - Aggregate amount of R&D expenditure recognised as an expense during the period
ACCOUNTING POLICIES			
Finite Useful Life	Useful Life (Years)	Indefinite Useful Life	Useful Life (Years)
Software	1 - 5	Brand	None
Publication	1 - 5		
License	1 - 4		
Operating Right	1 - 10		
Patent	1 - 20		

Isu/cadangan



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA


- Pembaharuan lesen – dipermodalkan / dibelanjakan?
- Pada masa akan datang, kerajaan membeli jenama daripada syarikat swasta. Contoh : Qu Puteh, bagaimanakah pengiktirafan dibuat oleh kerajaan.
- Perlu disediakan satu latih amal yang berkaitan untuk menguji kefahaman peserta.

Pengiktirafan & Pengukuran (sambungan)

Perolehan berasingan



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Pengiktirafan & Pengukuran (sambungan)

Internally Generated Intangible Assets (sambungan)



**Contoh Kos
atribut
langsung**

**Kos material
dan
perkhidmatan**

**Kos
manfaat
pekerja**

**Fees to
register legal
right**



**Apa contoh kos yang tidak
boleh diiktiraf sebagai kos
asset tak ketara?**

EDISI 2021



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROGRAM PERAKAUNAN & KEWANGAN

TERIMA KASIH



MORE INFO

www.ipn.gov.my

